

## BERITA HARIAN

# FBM KLCI kembali meningkat

➔ Penguksuhan ringgit, sentimen positif pulih bursa tempatan



**B**ursa Malaysia ditutup tinggi sedikit semalam berikutan sentimen serantau yang positif serta penguksuhan ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS).

Penanda aras FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) 0.13 mata lebih tinggi kepada 1,771.36 berbanding 1,771.23 ketika ditutup kelmarin, selepas turun naik antara 1,770.53 dan 1,775.85 sepanjang hari.

Indeks utama dibuka 0.95 mata lebih tinggi kepada 1,772.18 pagi ini. Kerugian dalam Hong Leong Bank menyeret turun indeks sebanyak 1.108 mata.

Saham syarikat berkenaan jatuh 30 sen kepada RM15.70 dengan 3.02 juta saham bertukar tangan.

Kaunter untung mengatasi rugi sebanyak 502 berbanding 314,

dengan 386 kaunter tidak berubah, 610 tidak diniaga dan 59 lagi digantung.

Jumlah dagangan menokok sedikit kepada 1.396 bilion unit bernilai RM1.56 bilion berbanding 1.395 bilion unit bernilai RM1.85 bilion pada Rabu.

Bursa serantau meningkat semalam berikutan pemulihan semalaman di Wall Street.

Indeks Nikkei 225 Jepun naik 0.45 peratus kepada 20,220.30, Hang Seng Hong Kong naik 1.1 peratus kepada 25,965.42 dan Straits Times Singapura menokok 1.3 peratus kepada 3,257.62.

Berbanding dolar AS, ringgit diniagakan pada 4.2940/2970 setakat jam 5 petang semalam berbanding 4.2960/2990 pada jam 6 petang semalam.

Mata wang tempatan berkenaan dilaporkan menjadi mata wang paling kukuh di Asia pada suku ini.

Dalam kalangan saham pasaran tinggi, Public Bank untung empat sen kepada RM20.30, Petronas Che-

micals naik dua sen kepada RM7.12 manakala Maybank dan Tenaga tidak berubah masing-masing pada RM9.63 dan RM14.14.

Bagaimanapun, Sime Darby dan CIMB susut empat sen tiap satu masing-masing kepada RM9.57 dan RM6.64.

Antara saham aktif, Key Alliance dan Asia Bioenergy menokok setengah sen tiap satu masing-masing kepada 4.5 sen dan 16 sen manakala Sapura Energy untung lima sen kepada RM1.62.

Indeks Emas FBM meningkat 13.64 mata kepada 12,631.92, Indeks FBMT 100 meningkat 9.17 mata kepada 12,267.88, Indeks Syariah Emas FBM menokok 29.11 mata kepada 12,849.99, FBM 70 menambah 42.53 mata kepada 15,038.23 dan FBM Ace melonjak 109.06 mata kepada 6,530.35.

Pada asas sektor, Indeks Perladangan naik 33.32 mata kepada 7,933.22 dan Indeks Perindustrian menokok 5.32 mata kepada 3,270.23.

Indeks Kewangan bagaimanapun merosot 27.33 mata kepada 16,800.25. Jumlah dagangan Pasaran Utama susut kepada 910.03 juta unit bernilai RM1.45 bilion berbanding 936.64 juta unit bernilai RM1.77 bilion pada Rabu.

Waran jatuh kepada 110.77 juta unit bernilai RM12.21 juta berbanding 168.11 juta unit bernilai RM21.19 juta sebelum ini.

Jumlah dagangan di Pasaran ACE bagaimanapun melonjak kepada 370.92 juta saham bernilai RM88.36 juta berbanding 278.26 juta saham bernilai RM54.63 juta kelmarin.

Produk pengguna menyumbang 69.77 juta saham diniaga di Pasaran Utama, produk perindustrian (275.14 juta), pembinaan (86.82 juta), perdagangan dan perkhidmatan (273.94 juta), teknologi (40.49 juta), infrastruktur (7.81 juta), SPAC (914,000), kewangan (42.62 juta), hotel (586,300), hartanah (89.67 juta), perladangan (11.7 juta), perlombongan (6,000), REIT (10.55 juta) dan tertutup/dana, 6,600.

Dalam satu kenyataan, syarikat yang disenarai di Pasaran ACE, PUC Founder (MSC) Bhd berkata, namanya ditukar kepada PUC Bhd bagi mencerminkan identiti dan imej jenama korporat baharu kumpulan sebagai penyedia perkhidmatan teknologi gaya hidup digital.

Saham syarikat itu ditutup setengah sen lebih rendah kepada 14 sen dengan 2.01 juta saham bertukar tangan.

**BERNAMA**